

21 JUN 2000

Mahathir-Melayu

KETUANAN MELAYU TIDAK BERMAKNA JIKA ORANG MELAYU LEMAH

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KAHERAH, 21 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ketuanan Melayu tidak boleh dijamin dengan sekadar mengatakan bahawa jawatan Perdana Menteri mesti dipegang oleh orang Melayu.

"Ia hanya boleh dijamin jika orang Melayu berusaha menjadi kaum yang terkuat di negara kita dari segi pelajaran, penguasaan ilmu dan teknologi dan sebagainya," kata beliau kepada wartawan Malaysia di akhir lawatan empat hari ke Mesir untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15).

Beliau diminta menjelaskan mengenai kenyataannya pada perasmian Perhimpunan Agung MCA di Kuala Lumpur minggu lepas bahawa bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri, yang telah menimbulkan pelbagai reaksi termasuk kononnya menafikan hak ketuanan Melayu.

Perdana Menteri berkata tidak ada maknanya bercakap mengenai hak ketuanan Melayu jika orang Melayu lemah dan mengemis di negara sendiri.

Menurutnya dalam Perlembagaan, tidak ada peruntukan bahawa bukan Melayu tidak boleh menjadi Perdana Menteri.

"Orang bukan Melayu hanya boleh jadi Perdana Menteri, dan saya tekankan ini dalam ucapan saya, kalau dia diterima oleh rakyat Malaysia yang termasuk orang Melayu.

"Kalau sampailah satu masa yang orang Melayu sanggup menerima orang bukan Melayu sebagai Perdana Menteri, kita tak boleh nak halang, itu pilihan orang Melayu sendiri.

"Kalau orang Melayu menjadi begitu lemah, miskin, minta sedekah kepada orang dan mereka dibeli dengan duit supaya menyokong orang bukan Melayu, pada ketika itu mungkin orang bukan Melayu akan memegang jawatan," katanya.

Perdana Menteri berkata jika keadaan seperti itu berlaku dengan orang Melayu menjadi terlalu taksub dengan wang sehingga boleh disogok untuk menjual bangsa, mereka akan menjadi hamba dalam negara sendiri.

"Saya bercakap berkenaan dengan realiti, saya bukan emosional ataupun bercakap sentimen...banyak orang lain cakap sentimen sahaja mengenai ketuanan Melayu tapi dok cuci kasut orang, tuan apa?" katanya.

Terdahulu, dalam pertemuannya dengan para pelajar Malaysia, Perdana Menteri menjelaskan mengenai usaha Malaysia mempertahankan kemerdekaan negara daripada dijajah oleh kuasa asing.

Ini termasuk dalam penjajahan bentuk baru melalui penguasaan ekonomi serta amalan globalisasi yang menindas negara-negara kecil, katanya.

Dr Mahathir berkata ada di kalangan negara anggota G15 itu yang mahu mengetahui lebih mendalam mengenai kejayaan Malaysia mengatasi kemelut kewangan yang melanda Asia.

Menurutnya negara akan menjadi lemah jika rakyat tidak dapat menguasai teknologi moden terutama dalam meningkatkan pertahanan diri dalam zaman teknologi maklumat.

Dalam sesi soal jawab, Perdana Menteri berkata banyak negara termasuk Mesir mengatakan bahawa Malaysia merupakan negara Islam contoh bagi negara-negara Islam yang lain.

"Mereka pandang kita sebagai contoh tetapi kita di Malaysia menafikan hakikat ini, saya amat sedih," katanya.

-- BERNAMA

AZZ NAK